



# KENYATAAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 05/2024

### KBS UMUM PERUNTUKAN RM1 JUTA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI DI BAWAH SEKRETARIAT RAKAN MUDA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SRM IPT) BAGI TAHUN 2024

---

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus menerajui pembangunan belia secara holistik dan inklusif. Salah satu program yang membolehkan usaha ini ialah Program Rakan Muda. Justeru, semasa lawatan kerja Menteri Belia dan Sukan ke Pahang hari ini, beliau telah **mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 juta** bagi pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda oleh Sekretariat Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi (SRM IPT) bagi tahun 2024, bertempat di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Gambang, Kuantan.
2. Bantuan kewangan ini diperuntukkan kepada SRM IPT untuk **menjalankan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda berteraskan 10 Gaya Hidup Rakan Muda** iaitu Rakan Aktif, Rakan Bumi, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi, Rakan Litar, Rakan Mahir, Rakan Muzik, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin.
3. SRM IPT merupakan sekretariat khusus yang ditubuhkan di **Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta** bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat menyerlahkan potensi dan membentuk shasiah dan jati diri yang baik dalam kalangan pelajar IPT.
4. Inisiatif SRM IPT telah bermula **sejak tahun 1998** dan diselaraskan oleh **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** adalah bertujuan untuk:
  - 4.1 menyelaras dan melaksana **program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda** secara terus, inklusif dan signifikan di IPT;
  - 4.2 memperkukuhkan **penjenamaan Rakan Muda** dalam kalangan anak muda terutamanya di IPT; dan

- 4.3 membuka peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menganjurkan **program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda mengikut acuan tersendiri** berteraskan 10 Gaya Hidup Rakan Muda.
5. Perincian **syarat, kriteria dan tatacara permohonan bantuan peruntukan di bawah SRM IPT** akan dimuat naik ke laman web KBS iaitu [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my) dalam masa terdekat.
  6. Pengumuman bantuan kewangan untuk menjalankan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda ini dijangka akan **menyemarakkan lagi pelaksanaan inisiatif Rakan Muda** seiring dengan hasrat yang digariskan di bawah kerangka Malaysia MADANI dan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM 2030).
  7. Sementara itu, YB Hannah Yeoh turut meninjau pelaksanaan program **Rakan Muda Turun Padang @ Pahang 2024** di UMPSA Kampus Gambang dengan pelbagai pengisian seperti bengkel fotografi & videografi, klinik badminton dan pingpong, bengkel muzik tradisional dan sebagainya. Selain itu, YB Hannah Yeoh turut berkesempatan **melancarkan SRM UMPSA iaitu SRM IPT yang ke-60**. Senarai penuh SRM IPT seperti di **LAMPIRAN A**.
  8. Program ini turut dihadiri oleh **Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad** dan **Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang, Encik Mu'azamir Haji Jili**.
  9. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat di talian **03-8871 3324** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**13 FEBRUARI 2024**

## SENARAI SEKRETARIAT RAKAN MUDA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SRM IPT) DI SELURUH NEGARA

